



Headline: Kerani rugi RM8,888
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 28 March 2019

Language: Malay
Section: Sentral
Page: 22


Kerani rugi RM8,888

KUANTAN –Seorang kerani mengalami kerugian RM8,888 selepas menyerahkan nombor nombor Kod Pengesahan Transaksi (TAC) kepada anggota sindiket scam yang menghubunginya menerusi aplikasi *WhatsApp* awal Mac lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa berusia 36 tahun tinggal di Lorong Sri Kuantan telah menerima mesej *WhatsApp* daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Kamrulzamani.

Menurutnya, Kamrulzamani mendakwa isterinya tersilap menghantar nombor TAC berkenaan ke telefon bimbit milik mangsa dan meminta mangsa menghantar semula nombor TAC berkenaan kepadanya untuk proses memindahkan wang.

“Mangsa kemudian membuat semakan dan mendapati memang terdapat nombor TAC yang dihantar melalui mesej khidmat pesanan ringkas (SMS), tanpa mensyaki



MOHD WAZIR

apa-apa kemudian membuat tangkapan skrin dan menghantarnya kepada lelaki itu melalui *WhatsApp*.

“Tidak lama kemudian dia menerima mesej daripada pihak bank menyatakan bahawa terdapat satu transaksi wang sebanyak RM8,888.88 dari akaunnya kepada dalam akaun lain,” katanya.

Mohd Wazir berkata, mangsa merasakan dirinya tertipu segera membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan di sini, semalam.

Susulan laporan dibuat mangsa, polis membuka kertas siasatan kes mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.